



SIARAN AKHBAR


KEMENTERIAN KESIHATAN

KENYATAAN MEDIA COVID-19


NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

10 Muharram 1444 / 08 Ogos 2022

- I. Dalam masa satu minggu kebelakangan ini, jumlah kes COVID-19 yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam telah menunjukkan pengurangan di mana kadar purata kes pada minggu ini ialah sebanyak 578 kes sehari, berbanding dengan 628 kes sehari pada minggu lepas. Sebanyak 62,148 keputusan ujian ART telah dimuatnaik ke aplikasi *BruHealth* dalam masa satu minggu di mana 6.4% daripadanya adalah keputusan ujian ART yang positif.



Jumlah kes COVID-19 yang telah dilaporkan di Negara Brunei Darussalam sejak Februari 2022



Jumlah kes COVID-19 satu minggu kebelakangan berbanding dengan minggu sebelumnya

- i) Pada hari ini, **0 kes** berada di dalam Kategori 5 yakni memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU) manakala **5 kes** berada di dalam Kategori 4 iaitu memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.
 - ii) Sehingga kelmarin, 07 Ogos 2022, kadar liputan vaksinasi COVID-19 di Negara Brunei Darussalam kekal berada di tahap yang tinggi dengan **75.6%** daripada keseluruhan rakyat dan penduduk negara ini telah mendapatkan dos ketiga vaksin dan **7.8%** juga telah mendapatkan dos keempat.
2. Pada hari ini, sebanyak **537 kes baru** telah dilaporkan iaitu 532 kes hasil ujian ART dan 5 kes adalah hasil dari 211 ujian makmal RT-PCR yang telah dilakukan dalam masa 24 jam yang lalu.

3. Dalam kesempatan ini, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa aplikasi BruHealth sedang dikemaskini dengan satu ciri promosi kesihatan baru iaitu ***BN on the Move (BNOTM)*** yang akan dilancarkan pada hari Ahad, 14 Ogos 2022. Ciri baru ini bertujuan untuk menggalakkan orang ramai menjadi lebih aktif dengan melakukan aktiviti-aktiviti seperti berjalan kaki atau membanyakkan jumlah langkah kaki yang dilakukan setiap hari bagi mencegah atau mengawal penyakit-penyakit tidak berjangkit.

4. Dalam masa yang sama, Kementerian Kesihatan juga akan melancarkan kempen ***Satu Bilion Langkah Bersama (One Billion Steps Together Campaign)*** iaitu satu cabaran besar-besaran di peringkat negara untuk bersama-sama mencapai satu bilion langkah dalam masa sebulan. Inisiatif ini juga akan bermula dari 14 Ogos 2022 di mana pendaftaran *early bird* telah mula dibukakan pada hari ini, Isnin, 8 Ogos 2022 di dalam aplikasi *BruHealth* pada bagi mereka yang ingin menyertai kempen tersebut. Orang ramai adalah diingatkan untuk mengemaskini aplikasi *BruHealth* masing-masing ke versi yang terkini (versi 3.0.6) dan seterusnya dialu-alukan untuk menyertai majlis pelancaran kempen ***One Billion Steps Together Challenge*** yang akan diadakan pada hari Ahad 14 Ogos 2022 di Taman Haji Sir Muda Omar ‘Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan pada jam 6:30 pagi. Marilah kita semua menghadirkan diri di majlis pelancaran tersebut bagi sama-sama menjayakan kempen yang sangat bermanfaat ini.

5. Teruskan kerjasama abiskita semua dalam membantu pihak Kerajaan memantau penularan wabak COVID-19 di negara dengan memuatnaikkan keputusan ART masing-masing, samada positif atau negatif ke aplikasi *BruHealth*. Semoga Negara Brunei Darussalam berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara dari segala bencana dan wabak penyakit serta berada di dalam perlindungan Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua. Aamiin Aamin Ya Rabbalalamin.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 10 Muharram 1444H / 08 Ogos 2022